

HANTU RAYA MENGECHAM PERIKATAN MENGENAI MOGOK UTUSAN MELAYU

Berita Harian, 27 August 1961, Page 1

 Article also available on Microfilm Reel NL2825

**HANTU RAYA MENGECHAM
PERIKATAN MENGENAI
MOGOK UTUSAN MELAYU**

KUALA LUMPUR, Sabtu:

Ketua Umum Parti Buruh Malaya, Inche Ishak (Hantu Raya) hari ini telah menyelar Perikatan kerana "mahu mengambil Utusan Melayu untuk di-jadikan alat propaganda parti-nya."

Inche Ishak menyatakan demikian dalam persidangan agong tahunan yang ke-9 Parti Buruh di-Chin Woo.

Inche Ishak ia-lah bekas Pengarang Utusan Melayu dalam tahun 1939.

Beliau berkata: Saya sendiri telah berusaha menerbitkan-nya (Utusan Melayu) untuk kepentingan perjuangan kemerdekaan dan kebangsaan negeri ini dua puloh tahun yang lalu.

"Sekarang pehak2 Perikatan mahu mengambil harian itu untuk di-jadikan alat peropaganda parti-nya.

"Ini bertentangan kuat dengan tujuan2 asal surat

khabar Utusan Melayu dan oleh kerana itu telah berlaku perlawanan antara pekerja2 dengan pehak2 majikan baharu.

“Pemogokan itu berjalan sa-lama satu bulan lebeh, dan mungkin akan terus berjalan sa-lama beberapa minggu lagi sa-belum-satu penyelesaian tercapai.

“Yang menderita akibat pemogokan itu ia-lah keluarga2 pekerja itu, istri2 dan anak2 mereka. Kapada mereka itu bantuan2 perlu di-berikan. Berhubong dengan ini maka dua kotak akan diedarkan kepada saudara2 dan saudari2. Beri-lah derma sa-berapa ikhlas dan terupaya kepada dua perkara ini. Saudara2 boleh juga mengirimkan bantuan2 itu kemudian nanti dengan pos ia-itu sa-kira-nya sekarang saudara2 dan saudari2 tidak membawa chukup wang”.